

06 MAY 2002

Zainuddin-Wartawan/I

ZAM MAHU TEMUI WARTAWAN MENGENAI MEMORANDUM KEPADA SUHAKAM

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin mahu menemui sekumpulan wartawan yang telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) Jumaat lepas.

Zainuddin berkata beliau mahu menemui mereka secara peribadi dan mendapatkan salinan memorandum yang dikemukakan oleh kumpulan itu kepada Suhakam.

"Saya mahu menemui 500 wartawan yang menggelarkan diri mereka Inisiatif Wartawan. Saya juga mahu tahu akhbar yang mereka wakili kerana saya tidak mahu orang ramai keliru dengan dakwaan-dakwaan mereka," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Zainuddin berkata beliau telah dimaklumkan bahawa wartawan berkenaan mewakili keseluruhan wartawan.

"Saya hairan mengapa mereka tidak mengemukakan masalah kepada Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) dan Kelab Akhbar Kebangsaan, mengapa perlu melalui badan ini (Inisiatif Wartawan)," katanya.

Sempena Hari Kebebasan Wartawan Dunia Jumaat lepas, kumpulan itu mengemukakan satu memorandum yang ditandatangani 581 wartawan kepada pengerusi Suhakam Tan Sri Abu Talib Othman, merayu beliau campur tangan menangani masalah kebebasan akhbar.

Mereka menggesa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dimansuhkan kerana mendakwa tidak ada usaha yang dilakukan bagi mengatasi halangan yang dihadapi wartawan semasa menjalankan tugas dalam menyediakan maklumat yang tepat, mengikut masa dan seimbang.

Menyentuh isu lain, Zainuddin menafikan terdapat agenda peribadi dalam gesaannya supaya Anggota Parlimen Baling Taib Azamuddin daripada parti PAS mendedahkan "rahsia besar" yang diketahuinya semasa menjadi Imam Besar Masjid Negara dahulu.

"Apa juga yang saya lakukan atau katakan secara terbuka, itu bukan kerana agenda saya sendiri tetapi ia adalah agenda negara," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mewakili Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob pada perhimpunan bulanan Kementerian Penerangan di Angkasapuri hari ini.

Zainuddin berkata demikian semasa mengulas dakwaan Taib bahawa rahsia itu tidak wujud dan desakan itu mempunyai agenda tersendiri.

Katanya desakan itu dibuat kerana pelbagai prasangka buruk ditimbulkan terhadap kepimpinan negara terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui penyebaran cerita-cerita karut yang menyentuh sentimen agama dan kepentingan parti PAS yang sanggup membuat fitnah dan juga ucapan yang di luar kesopanan.

"Taib tidak boleh berselindung di sebalik sehelai lalang... orang ramai kini mulai bertanya apakah pemimpin PAS sendiri tidak tahu apa yang diketahui oleh Taib," katanya.

Zainuddin turut mempersoalkan mengapa sehingga sekarang Presiden PAS Datuk Fadzil Nor atau Mursyidul Am PAS Datuk Nik Aziz tidak tampil ke hadapan untuk memberitahu orang ramai sama ada mereka tahu ataupun tidak, apa yang diketahui oleh Azamuddin.

-- BERNAMA

FA ZS LAT